

Baca dan fahamkan nota yang diberikan. Kamu juga boleh membuat rujukan pada buku teks halaman 136.



Munsyi Cilik

Ayat seruan ialah ayat yang diucapkan dengan intonasi seruan untuk melahirkan perasaan. Intonasi seruan ini ditandai dengan tanda seru (!) yang terletak pada akhir ayat.

Contoh:

- Syabas, kamu berjaya! (menunjukkan perasaan gembira, pujian dan ucapan tahniah)
- Wah, unik rekaannya! (menunjukkan perasaan kagum)

Katil Mesra Pengguna

Seorang wartawan telah menemui bual pengimpal besi yang menghasilkan ciptaan inovasi untuk orang kurang upaya (OKU).

Wartawan: Syabas, katil mesra OKU ciptaan tuan memenangi hadiah inovasi!

Encik Amiruddin: Terima kasih. Eh, ciptaan saya biasa sahaja jika dibandingkan dengan ciptaan profesional lain!

Wartawan: Bagaimanakah tercetusnya idea membuat katil inovasi ini, tuan?

Encik Amiruddin: Oh, idea ini tercetus ketika melihat kepayahan isteri saya yang sakit selepas dibedah! Dengan ilmu kimpalan dan idea inovasi, saya mereka cipta katil mesra OKU ini.

Wartawan: Aduhai, simpati saya mendengarnya!

Encik Amiruddin: Katil ini daripada sebuah katil besi bujang. Saya menciptanya seperti katil hospital. Katil ini boleh dilaraskan tahap sandarannya mengikut kesesuaian pesakit dengan menekan butang secara automatik.

Wartawan: Wah, menarik sungguh fungsinya!

Encik Amiruddin: Ya. Katil ini juga mempunyai dwifungsi. Katil ini akan berfungsi sebagai katil bujang apabila tidak digunakan lagi. Saya memang memastikan hasil ciptaan berkualiti demi keselamatan pesakit. Nah, telitilah risalah tentang katil inovasi ciptaan saya ini!

Wartawan: Terima kasih, tuan.

Kenal pasti ayat seru yang terdapat dalam petikan di atas. Kemudian, klik dan leretkan ayat tersebut pada ruang yang disediakan. Pastikan kamu menyusun ayat dalam giliran dialog yang betul.

1.

2.

3.

4.

5.

6.